

# Kes mercun perlu hukuman lebih berat

Mercun secara umumnya digunakan semasa pesta atau perayaan, seperti Hari Kemerdekaan, sambutan Tahun Baru, Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan perayaan lain. Tragedi malang membabitkan kanak-kanak serta remaja mangsa mercun sentiasa menjadi topik bualan setiap kali kita berada pada bulan Ramadan dan awal Syawal.

Pada minggu pertama bulan Ramadan sudah pun kedengaran di media massa kanak-kanak serta remaja yang menjadi mangsa letupan mercun terutamanya mercun buatan sendiri. Mengapakah perkara ini terjadi? Bermain mercun bukan budaya Islam.

Kemeriahan bulan Ramadan sepatutnya disambut dengan meningkatkan amal ibadat dan melakukan perkara baik. Ironinya, ramai kalangan masyarakat Islam sendiri yang melakukan perkara bertentangan dengan syariat Islam. Ajaran Islam tidak membenarkan penganutnya melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan faedah serta mendatangkan bahaya dan merugikan.

Secara umumnya, semua mercun diklasifikasikan sebagai bahan letupan berkuasa rendah. Ada beberapa negara yang mengharamkan pembakaran mercun kerana beberapa sebab, antaranya pencemaran bunyi, risiko kecederaan serta risiko kebakaran.

Di Malaysia, pembakaran mercun kini diharamkan seperti yang termaktub dalam Akta Bahan Letupan pindaan tahun 1991 akibat peningkatan kadar kecederaan dalam kalangan kanak-kanak



Secara umumnya, semua mercun diklasifikasikan sebagai **bahan letupan berkuasa rendah**. (FOTO HIASAN)

dan golongan remaja semasa musim perayaan Aidilfitri. Ironinya, kes kecederaan akibat bermain mercun terus meningkat saban tahun kerana kanak-kanak dan golongan remaja beralih kepada mercun buatan sendiri seperti meriam buluh sebagai alternatif kepada mercun komersial.

## Perlu bertindak tegas

Larangan bermain semua jenis mercun dan bunga api pada hari-hari perayaan telah dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan sejak 1995. Agensi kerajaan seperti polis dan kastam sentiasa bertindak tegas membanteras penyeludupan dan penjualan mercun.

Seksyen 4(2) Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) memperuntukkan undang-undang sesiap yang bersalah mengilang, memiliki atau mengimport mercun atau bunga api, boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya.

Mereka yang menyimpan mercun juga boleh didakwa di bawah Seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967 (Akta 235) iaitu yang berkaitan dengan menyimpan atau memiliki barangan larangan. Jika sabit kesalahan, pihak terbabit boleh didenda tidak kurang dari 10 kali ganda dan tidak melebihi 20 kali ganda nilai barangan itu atau penjara maksimum tiga ta-

hun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan bermain dan membakar mercun dan bunga api, seseorang boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu bulan atau didenda sehingga RM100 atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 3(5) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336).

Namun, segala undang-undang yang telah diperuntukkan itu sering kali dipandang ringan. Masih ramai yang melakukan kesalahan menyeludup dan menjual mercun, malah ada mercun yang dijual di tempat terbuka seperti di bazar Ramadan dan di sekitar pusat membeli-belah. Ke-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

[bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

banyak mercun diseludup dari luar negara beberapa bulan sebelum musim perayaan bagi mengabui mata pihak penguatkuasa.

Keuntungan berlipat ganda menyebabkan banyak orang sanggup melakukan kesalahan tanpa menghiraukan kemungkinan dikenakan tindakan undang-undang berat. Terdapat juga segelintir penjenayah melakukan kesalahan sama biarpun pernah dikenakan hukuman sebelum itu.

Mungkin kerajaan perlu membanhkan menggubal undang-undang yang sedia ada bagi mengenakan hukuman yang lebih berat lagi kepada pesalah berkaitan mercun. Penjualan mercun juga masih berleluasa disebabkan permintaan daripada orang ramai, khususnya kanak-kanak serta remaja. Ibu bapa sepatutnya mengawasi anak agar tidak bermain mercun. Ibu bapa jangan berkompromi dengan isu mercun. Biarlah anak merengek dan merayu, tetapi jangan sekali-kali membenarkan mereka bermain mercun.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia.